



## PEKELILING PENTADBIRAN BIL.15/2019

### PERUBAHAN WAKTU BEKERJA STAF UMK PADA BULAN RAMADHAN 1440 HIJRAH

#### RUJUK:

- A. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 (Tambahan Waktu Peringkat (WP) Dalam Jadual Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) Dilaksanakan Khas Pada Bulan Ramadhan)
- B. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017 (Pelaksanaan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam Kepada pegawai Wanita Mengandung)
- C. Pekeliling Pentadbiran Bil.4/2018 (Cadangan Menerima Pakai Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan)

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan tentang Perubahan Waktu Bekerja Staf UMK Pada Bulan Ramadhan 1440 Hijrah.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Dimaklumkan bahawa Umat Islam di Malaysia dijangka akan mula menyambut bulan Ramadhan pada 6 Mei 2019 (Isnin) Bersamaan 1 Ramadhan 1440 Hijrah.
- 2.2 Sehubungan itu, Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah bersetuju meluluskan bahawa sepanjang bulan Ramadhan 1440 Hijrah, waktu bekerja untuk staf UMK adalah seperti ketetapan berikut;

WBB	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP5	Ahad – Rabu	8.00 pg – 4.30 ptg	1.00 – 1.30 ptg
	Khamis	8.00 pg – 3.00 ptg	

- 2.3 Waktu Bekerja Staf UMK ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut;
  - i) Waktu bekerja ini adalah hanya untuk bulan Ramadhan 1440 Hijrah sahaja;
  - ii) Waktu bekerja ini berkuatkuasa mulai 6 Mei 2019 bersamaan 1 Ramadhan 1440 Hijrah dan akan berakhir pada hari terakhir bulan Ramadhan 1440 Hijrah;

- iii) Atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) adalah dibenarkan untuk mengarahkan staf masing-masing untuk bertugas selepas waktu bekerja ini;
- iv) Staf yang bertugas secara syif dikecualikan dari waktu bekerja ini;
- v) WBB staf mengandungi semasa bulan Ramadhan adalah sama seperti staf lain. Kebenaran pulang awal satu jam adalah tidak dibenarkan.

Adalah diharapkan agar kemudahan ini dapat membantu staf memperlengkapkan diri dan menjalani ibadah puasa dengan penuh keberkatan sepanjang bulan Ramadhan Al Mubarak.


Selamat menjalani ibadah puasa.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**MOHD AKHMAL BIN ABU BAKAR**  
Yang Menjalankan Tugas Pendaftar

29 APRIL 2019

- s.k
- YBhg. Prof. Naib Canselor
  - YBhg. Prof. Dato'/ Prof. Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
  - Fail Edaran